

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 12 MAC 2019

SINAR HARIAN • SELASA 12 MAC 2019 33

KUALA SELANGOR

HUBUNGI SIKAJ KUALA SELANGOR: ARZIANA MOHMAD AZAMAN - 018-9569270 / 018-9569275

Isu pencemaran yang tiada kesudahan

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

JERAM



Sungai busuk, air hitam

Air dikatakan berminyak dan didakwa daripada sisa kumbahan bersekitaran.

Isu pencemaran sungai dan berminyak di Kampung Bagan Sungai Buloh, di sini masih berlarutan dan menjadi rungutan nelayan.

Lebih dikesalkan, isu berkenaan yang dipanjangkan kepada agensi berkaitan sejak beberapa tahun lalu seolah-olah tiada penyelesaian.

Wakil nelayan, Kahar Buntal, 67, mendakwa, sebelum ini sisa kilang yang dibuang menjadi punca air sungai tercemar memandangkan paip saluran keluar dipasang di dalam tanah.

Menurutnya, akibat itu aliran air menjadi hitam dan selepas diselidik, ada paip saluran sisa bagi mengelakkan dikesan pihak berkuasa.

"Kami sudah buat siasatan sendiri di sepanjang sungai itu sehingga ke kawasan kilang. Kami buat semua ini kerana sudah tidak dapat menanggung derita bau busuk setiap hari," katanya.

Menurutnya, pencemaran air baru-baru ini dikesan terlalu teruk daripada kunci air bersebelahan yang didakwa daripada sisa kolam udang yang dibuang terus ke laut.

"Kami periksa punca sisa kumbahan tu datangnya dari kolam udang berhampiran sebab aliran air dari kunci air yang dikenal pasti... jadi isu ini sepatutnya diberikan perhatian oleh pihak berkaitan," katanya.

Kahar memberitahu, sudah beberapa kali perbincangan dilakukan bersama agensi terbabit namun pencemaran masih berlarutan.

Tak macam dulu

Menurut Kahar, hasil kerang nelayan didakwa semakin berkurangan dan hanya tinggal cengkerang.

"Bila fikirkan nasib nelayan di kawasan ini yang harapkan hasil kerang untuk hidup, kami tak sanggup lagi berdepan masalah pencemaran ini sebab nak dapatkan hasil yang lumayan cukup susah.

"Tak macam dulu, kami mudah nak dapatkan lebih 10 guni kerang untuk dijual tapi sekarang ikut nasib. Kalau selalu hujan dan air tercemar mengalir terus ke laut, mungkin kawasan penter-nakan tak terjeras teruk," katanya.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Buloh, Rozaimi Zainal memaklumkan, pihaknya menerima aduan mengenai pencemaran itu sejak sebulan lalu.

"Sebenarnya pencemaran ini sudah lama berlarutan namun paling teruk beberapa minggu lalu apabila air bertukar kehitaman, berminyak dan busuk.

"Jadi saya terpenggil untuk bawa wakil rakyat ke sini menjenjok kawasan ini supaya perkara ini mendapat perhatian sewajarnya," katanya.

info

- Perlu siasat kesahihan dakwaan pencemaran daripada kilang
- Banyak kerang mati dan sukar dapat hasil
- Nelayan dakwa ada paip saluran sisa kilang

Lawatan mengejut



Juwairiya (tengah) mendengar aduan nelayan berhubung isu pencemaran di Bagan Sungai Buloh.

SEMENTARA itu, ADUN Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli berkata, pihaknya turut melawat kawasan jeti nelayan terbabit selepas perkara itu dimaklumkan.

"Saya buat lawatan mengejut bersama ketua kampung dan difahamkan isu ini sudah berlarutan sejak dahulu.

"Nelayan mendakwa isu pencemaran ini berpunca daripada sisa kilang sama ada di Ijok atau Parit Mahang tetapi kita perlu siasat kesahihannya," katanya.

Tegasnya, pihaknya akan memohon kerjasama jabatan berkaitan untuk menyasat punca sebenar pencemaran.

"Keadaan ini menjejaskan habitat sungai dan hasil laut.

Tindakan tegas perlu diambil kepada pihak yang menjadi punca pencemaran air di kawasan ini," katanya.

Ketua Perikanan Daerah Kuala Selangor, Mohd Fazlan Abdul Ghani mengakui, isu itu sudah lama berlarutan.

"Pihak jabatan pun sudah bekerjasama dengan nelayan di situ dengan memanjangkan kepada pihak berkaitan termasuk Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar.

"Kami pernah mengadakan perbincangan dalam satu mesyuarat jawatankuasa pencemaran di bawah LUAS sebelum ini. Bagaimanapun perkara ini tetap berulang," katanya.

Rozaimi menunjukkan kesan pencemaran kepada Juwairiya ketika kunjungan mengejut di jeti nelayan itu.